



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

**AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 [AKTA 514]
P.U. (A) 315/1997**

**PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PEGAWAI
KESELAMATAN DAN KESIHATAN) 1997**

Tarikh penyiaran:

21hb Ogos 1997

Tarikh mula berkuatkuasa:

22hb Ogos 1997

SUSUNAN PERATURAN

Mukadimah

BAHAGIAN I - PERMULAAN

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa
Peraturan 2. Tafsiran
Peraturan 3. Pemakaian

BAHAGIAN II - PENDAFTARAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Peraturan 4. Pendaftaran
Peraturan 5. Permohonan pendaftaran
Peraturan 6. Kelayakan bagi pendaftaran
Peraturan 7. Perakuan pendaftaran
Peraturan 8. Kehadiran wajib dalam apa-apa program pendidikan berterusan bagi maksud pembaharuan pendaftaran
Peraturan 9. Keengganan mendaftarkan
Peraturan 10. Tempoh pendaftaran.
Peraturan 11. Pembaharuan pendaftaran.
Peraturan 12. Ketua Pengarah boleh enggan membaharui pendaftaran.
Peraturan 13. Pembatalan pendaftaran.

BAHAGIAN III - PEMBERITAHUAN MENGENAI PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Peraturan 14. Pemberitahuan mengenai orang yang diambil kerja sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan.

BAHAGIAN IV - KEWAJIPAN MAJIKAN

Peraturan 15. Kemudahan-kemudahan.
Peraturan 16. Program pendidikan berterusan
Peraturan 17. Penyiasatan apa-apa kemalangan, dsb.

BAHAGIAN V - KEWAJIPAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Peraturan 18. Kewajipan pegawai keselamatan dan kesihatan.

Peraturan 19. Pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah mengemukakan laporan.

Peraturan 20. Tindakan hendaklah diambil ke atas laporan

BAHAGIAN VI - PELBAGAI

Peraturan 21. Kematian, sakit dan ketakhadiran kerja pegawai keselamatan dan kesihatan.

JADUAL I

JADUAL II

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 29 dan 66 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Nama dan mula berkuatkuasa

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 22 Ogos 1997.

2. Tafsiran

Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain---

"kecederaan masa hilang" ertiya sesuatu kecederaan yang menghalang mana-mana pekerja daripada melaksanakan kerja biasa dan yang menyebabkan ketakupayaan bekerja secara kekal atau sementara.

"tiada kecederaan masa hilang" ertiya sesuatu kecederaan yang tiada kerja yang hilang selain daripada yang dikehendaki bagi rawatan perubatan;

"kemalangan nyaris" ertiya apa-apa kemalangan di tempat kerja yang berpotensi untuk menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada apa-apa harta;

"Ketua Pengarah" ertiya Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dilantik di bawah subseksyen 5 (1) Akta;

"program pendidikan berterusan" ertiya kursus, seminar, persidangan atau program pendidikan lain dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau yang setaraf dengannya, yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

3. Pemakaian

Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi---

(a) Seseorang yang bertindak sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan yang dikehendaki di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta; dan

(b) Seseorang majikan bagi kelas atau jenis industri yang dikehendaki mengambil kerja pegawai keselamatan dan kesihatan di bawah Akta.

BAHAGIAN II **PENDAFTARAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

4. Pendaftaran

Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan melainkan jika dia telah berdaftar dengan Ketua Pengarah.

5. Permohonan pendaftaran

- (1) Setiap permohonan pendaftaran seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah dibuat dalam Borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual I.
- (2) Permohonan pendaftaran itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah berserta dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang itu disertai dengan fee pemerosesan sebanyak satu ratus ringgit.

6. Kelayakan bagi pendaftaran

- (1) Seseorang yang---
 - (a) mempunyai diploma keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau yang setaraf dengannya dari mana-mana badan profesional atau institusi, yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Ketua Pengarah;
 - (b) telah berjaya menamatkan kursus latihan dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan lulus mana-mana peperiksaan bagi kursus itu atau yang setaraf dengannya, yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Ketua Pengarah, dan mempunyai tiga tahun pengalaman minimum dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
 - (c) pernah bekerja dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan sekurang-kurangnya bagi tempoh selama sepuluh tahun; atau
 - (d) mempunyai kelayakan lain atau telah menerima latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri menurut subseksyen 29(4) Akta,

berhak, apabila permohonan dibuat olehnya, untuk didaftarkan sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan.

- (2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang tidak berhak didaftarkan sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan jika pada masa permohonan pendaftaran dia telah---
 - (a) disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta; atau
 - (b) disabitkan dengan mana-mana kesalahan dan dihukum lebih daripada satu tahun penjara atau didenda lebih daripada dua ribu ringgit; dan
 - (c) diisyiharkan bankrap.
- (3) Bagi maksud subperenggan (1)(b), kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan yang dijalankan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Malaysia adalah antara kursus yang diluluskan.

7. Perakuan pendaftaran

Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan kepada seseorang pemohon yang pendaftarannya sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan telah diluluskan, suatu perakuan pendaftaran dalam bentuk yang ditetapkan.

8. Kehadiran wajib dalam apa-apa program pendidikan berterusan bagi maksud pembaharuan pendaftaran

Seseorang yang telah berdaftar sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah menghadiri apa-apa program pendidikan berterusan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun bagi maksud pembaharuan pendaftaran.

9. Keengganan mendaftarkan

Ketua Pengarah boleh enggan mendaftarkan mana-mana permohonan pendaftaran yang dibuat di bawah peraturan 5 jika dia berpuas hati bahawa pemohon tidak memenuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana perintah yang dibuat oleh Menteri.

10. Tempoh pendaftaran.

Pendaftaran sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan adalah sah bagi tempoh selama tiga tahun dari tarikh pendaftaran, melainkan jika ia dibatalkan terlebih dahulu di bawah Peraturan-Peraturan ini.

11. Pembaharuan pendaftaran.

Suatu permohonan pembaharuan pendaftaran sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah dibuat dalam Borang yang dinyatakan dalam Jadual II disertai dengan fee pemerosesan sebanya lima puluh ringgit.

12. Ketua Pengarah boleh enggan membaharui pendaftaran.

Ketua Pengarah boleh enggan membaharui pendaftaran yang dibuat di bawah peraturan 11 jika pemohon---

- (a) telah terhenti menjadi pegawai keselamatan dan kesihatan;
- (b) adalah pegawai keselamatan dan kesihatan berdaftar yang tidak pernah dilantik sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan di bawah Akta sejak pendaftaran atau pembaharuan;
- (c) tidak memenuhi apa-apa kehendak yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (d) telah gagal menjalankan keajipannya sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta; atau

(e) tidak menunjukkan apa-apa bukti bahawa dia telah menghadiri mana-mana program pendidikan berterusan atau yang setaraf dengannya dalam tempoh tiga tahun yang terakhir sebagaimana yang dikehendaki di bawah peraturan 8.

13. Pembatalan pendaftaran.

Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan pada bila-bila masa, jika dia mendapati bahawa pegawai keselamatan dan kesihatan itu---

- (a) telah terhenti menjadi pegawai keselamatan dan kesihatan;
- (b) telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta;
- (c) tidak memenuhi apa-apa kehendak yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 29(4) Akta; atau;
- (d) telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

BAHAGIAN III
PEMBERITAHUAN MENGENAI PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

14. Pemberitahuan mengenai orang yang diambil kerja sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan.

Seseorang majikan hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh satu bulan mengenai apa-apa---

- (a) pelantikan seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan; atau
- (b) penamatan atau peletakan jawatan seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan.

BAHAGIAN IV
KEWAJIPAN MAJIKAN

15. Kemudahan-kemudahan.

Seseorang majikan sesuatu tempat kerja hendaklah menyediakan kepada pegawai keselamatan dan kesihatan yang diambil kerja olehnya, kemudahan-kemudahan yang sesuai termasuk peralatan latihan, dan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pegawai keselamatan dan kesihatan itu menjalankan kewajipannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta.

16. Program pendidikan berterusan

Seseorang majikan hendaklah membenarkan pegawai keselamatan dan kesihatan menghadiri apa-apa program pendidikan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun untuk menambah pengetahuannya mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

17. Penyiasatan apa-apa kemalangan, dsb.

Seseorang majikan hendaklah mengarahkan seorang atau lebih penyelia yang mempunyai kawalan langsung ke atas orang atau aktiviti tempat kerja untuk membantu pegawai keselamatan dan kesihatan dalam mana-mana penyiasatan mengenai kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan.

BAHAGIAN V
KEWAJIPAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

18. Kewajipan pegawai keselamatan dan kesihatan.

Adalah menjadi kewajipan seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan---

- (a) untuk menasihati majikan atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi sesuatu tempat kerja mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi kepentingan keselamatan dan kesihatan orang-orang yang diambil bekerja di tempat kerja itu;
- (b) untuk memeriksa tempat kerja untuk menentukan sama ada apa-apa jentera, loji, peralatan, bahan, perkakas atau proses atau apa-apa jenis kerja kasar yang digunakan di tempat kerja, yang boleh menyebabkan kecederaan anggota ke atas mana-mana orang yang bekerja di tempat kerja;
- (c) untuk menyiasat apa-apa kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja;
- (d) untuk membantu majikan atau jawatankuasa keselamatan dan kesihatan, jika ada, menurut peraturan 11 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996 [P.U (A) 616/96] dalam menganjurkan dan melaksanakan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja;
- (e) untuk menjadi setiausaha kepada jawatankuasa keselamatan dan kesihatan jika ada, sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 6(2) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996, dan melaksanakan semua fungsi setiausaha sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan itu;
- (f) untuk membantu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dalam mana-mana pemeriksaan sesuatu tempat kerja bagi maksud memeriksa keberkesanan apa-apa langkah yang diambil bagi mematuhi Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta;
- (g) untuk memungut, menganalisis dan menyenggara statistik mengenai apa-apa kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja;
- (h) untuk membantu mana-mana pegawai pada menjalankan kewajipannya di bawah Akta atau mana-mana Peraturan yang dibuat di bawah Akta; dan
- (i) untuk menjalankan apa-apa arahan lain yang dibuat oleh majikan atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi tempat kerja atas apa-apa perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan tempat kerja.

19. Pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah mengemukakan laporan.

- (1) Seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah, sebelum hari yang kesepuluh bulan yang berikutnya, mengemukakan suatu laporan berkaitan dengan aktiviti-aktivitinya kepada majikan.
- (2) Laporan yang dikemukakan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi, dan tidak terhad kepada perkara-perkara yang berikut:
- (a) apa-apa tindakan yang perlu diambil oleh majikan untuk mematuhi kehendak Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta;
 - (b) cara untuk mewujudkan dan mengekalkan keadaan bekerja yang selamat dan sihat di tempat kerja;
 - (c) jumlah dan jenis kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja termasuk jumlah orang yang cedera sama ada melibatkan kecederaan masa hilang atau kecederaan tanpa masa hilang;
 - (d) apa-apa jentera, loji, peralatan, perkakas, bahan atau proses atau jenis kerja kasar yang digunakan di tempat kerja dan yang boleh menyebabkan kecederaan anggota ke atas mana-mana orang yang bekerja di tempat kerja;
 - (e) apa-apa jentera, loji, peralatan perkakas, bahan atau apa-apa alat pelindung diri yang dikehendaki bagi maksud mengurangkan apa-apa risiko sedemikian;
 - (f) mengesyorkan apa-apa pengubahan yang perlu dibuat kepada struktur atau susun atur tempat kerja bagi kepentingan keselamatan dan kesihatan orang yang diambil kerja di dalamnya;
 - (g) apa-apa kerja yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan yang telah dijalankan oleh mana-mana orang, atau kumpulan orang yang diambil kerja oleh majikan untuk menggalakkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;
 - (h) apa-apa perkara yang belum selesai yang berbangkit daripada laporan yang terdahulu yang dinyatakan di bawah perenggan (a) hingga (g); atau
 - (i) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan orang yang bekerja di tempat kerja.

20. Tindakan hendaklah diambil ke atas laporan

- (1) Seseorang, majikan atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi sesuatu tempat kerja setelah menerima laporan bawah peraturan 19, hendaklah tidak kurang daripada dua minggu selepas menerimanya, membincangkan laporan itu dengan pegawai keselamatan dan kesihatan.
- (2) Seseorang majikan atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi sesuatu tempat kerja hendaklah menanda tangan balas laporan itu untuk mengesahkan yang dia telah menerimanya.
- (3) Laporan itu hendaklah disimpan dalam keadaan yang baik sekurang-kurangnya selama tempoh sepuluh tahun bagi maksud pemeriksaan atau penyiasatan oleh pegawai jika perlu.

BAHAGIAN VI PELBAGAI

21. Kematian, sakit dan ketakhadiran kerja pegawai keselamatan dan kesihatan.

Dalam hal kematian, sakit atau ketakhadiran bekerja seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan, Ketua Pengarah boleh, walau apa pun peruntukkan Peraturan-Peraturan ini, memberi kuasa kepada majikan, melalui perakuan secara bertulis, membenarkan kerja dijalankan bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan kalender tanpa pegawai keselamatan dan kesihatan itu.

JADUAL I

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN) 1997

(Subperaturan 5 (1))

Gambar

1.0 BUTIR-BUTIR PERIBADI:

- | | | | |
|--------------------------|------------------|-----------------------------|-------|
| 1.1 Nama (huruf besar) : | | 1.2 Tarikh lahir : | |
| 1.3 Jantina : | Lelaki/Perempuan | 1.4 Nombor kad pengenalan : | |
| 1.5 Tempat lahir : | | 1.6 Kewarganegaraan : | |
| 1.7 Alamat pejabat : | | 1.8 No. telefon (pejabat) : | |
| 1.9 Alamat rumah : | | 1.10 No. telefon (rumah) | |

2.0 PENDIDIKAN

- | | | |
|---------------------------------|---------|-------------------|
| 2.1 Nama institusi/Universiti : | Tahun : | Tahap kelayakan : |
| | | |
| | | |
| | | |
- (Sila lampirkan salinan sah sijil/diploma/ijazah)

2.2 Pengalaman bekerja

- | | | |
|---|-----------------------------------|---------------------------|
| Keterangan ringkas dan jenis pengalaman : | Tempoh khidmat
Dari : Hingga : | Nama dan alamat majikan : |
| | | |
| | | |
| | | |

2.3 Jenis-jenis latihan lain dalam bidang keselamatan dan kesihatan :

- | | |
|-------|-------|
| | |
| | |
| | |

3.0 PENGAKUAN:

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar sepanjang pengetahuan saya.

Tandatangan : Tandatangan :
Nama pemohon : Nama saksi :,
K.P. No. :

JADUAL II

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

**PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN) 1997**

PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

(Peraturan 11)

Tarikh habis tempoh :

1. Saya K.P. No ingin memohon untuk membaharui pendaftaran sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan bagi tempoh tiga tahun yang akan datang.
2. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat mengenai pendidikan berterusan tentang keselamatan dan kesihatan yang telah saya ikuti bagi tempoh tiga tahun yang lalu.

Tarikh : Tandatangan :
.....
Nama pemohon :
.....

Bertarikh 28 Julai 1997.
[KSM. PUU (S) 6/8; PN. (PU²) 541/III]

DATO' LIM AH LEK,
Menteri Sumber Manusia